

# PM: Malaysia tetap tak hadir sidang di Brazil

**K**UALA LUMPUR 29 Okt. — Malaysia tetap tidak akan menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada Jun tahun depan walaupun Perdana Menteri Britain, Encik John Major mendesak supaya negara ini mengubah pendiriannya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia hanya sedia menimbang untuk menghadiri persidangan itu jika negara-negara maju sanggup mengubah pendiriannya dan memainkan peranan yang lebih positif ke arah membantu negara-negara membangun.

Katanya, jika sesuatu persidangan mengenai alam sekitar ingin diadakan, semua pihak yang hadirnya perlulah mempunyai sikap yang positif.

"Kita tidak mahu mesyuarat itu menumpukan kepada kesalahan yang dilakukan oleh negara-negara membangun seperti Malaysia dan tumpuan diberi hanya kepada soal hutan tropika sedangkan mereka juga turut mengakibatkan masalah pencemaran alam sekitar melalui penggunaan bahanapi "fossil," penebangan hutan-hutan mereka dan berbagai-bagai lagi," tegas beliau.

Bercakap pada sidang akhbar sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di sini petang ini, beliau berkata, Malaysia mahu negara-negara membangun memberi pengakuan bahawa mereka akan memberikan cadangan yang positif dan bukan hanya setakat memulaukan kayu-kayan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, dalam satu perbincangan yang diadakan semasa CHOGM baru-baru ini, beliau telah membangkitkan berkenaan dengan soal jerebu di mana tiada satu pun negara maju memberikan bantuan bagi mengatasi masalah tersebut.

"Alasan bahawa mereka tidak dijemput saya tidak boleh terima kerana tanpa jemputan, mereka begitu rajin sekali tinggal dengan orang-orang Penan dan merantai diri mereka dengan pokok, yang menunjukkan mereka begitu mengambil berat mengenai isu alam sekitar," jelas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, sejak dari awal lagi Malaysia berpendapat persidangan yang akan diadakan itu cuma untuk menyalahkan satu pihak sahaja.

Beliau berkata, dalam menentukan alam sekitar yang lebih baik, semua pihak khususnya negara-negara membangun dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) haruslah memainkan peranan mereka dengan positif.

"Di negara-negara Caribbean, mereka menggelar NGO ini AGO — pertubuhan anti kerajaan — di mana mereka ini lebih pandai daripada semua kerajaan dalam dunia.